

Mayat mangsa rogol di ladang getah



BEBERAPA anggota polis memeriksa mayat wanita ditemui di ladang getah Taman Kelisa Ria, Sungai Petani semalam.

SUNGAI PETANI - Seorang wanita ditemui mati dengan tangan kiri diikat dawai disyaki dirogol dan dibunuh sebelum mayatnya dibuang ke kawasan ladang getah berhampiran Taman Kelisa Ria di sini semalam.

Mangsa berusia awal 20-an ditemui oleh seorang penoreh getah dalam keadaan separuh bogel dan kecederaan parah di kepala pada pukul 10 pagi.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Hashim Ali berkata, siasatan mendapati, mangsa mungkin dirogol dan dibunuh di tempat lain sebelum mayatnya dicampakkan ke ladang getah.

Menurut beliau, identiti mangsa belum dikenal pasti kerana tiada dokumen pe-

ngenanalan diri ditemui pada mayat tersebut.

"Mangsa ditemui mati dalam keadaan separuh bogel dengan seluar dalamnya terlondeh ke paras lutut. Pada kepala mangsa juga terdapat kesan kecederaan," kata beliau di sini semalam.

Mangsa yang berkulit sawo matang berkemungkinan besar berketurunan Melayu atau Siam.

Hashim memberitahu, berdasarkan pada mayat itu, mangsa dipercayai mati dalam tempoh 24 jam sebelum mayatnya ditemui.

Mayat mangsa dihantar ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) dan polis masih menunggu laporan bedah siasat mengenai punca kematian sebenar mangsa.